Sementara itu, Benedict berharap kewujudan pos BBP berkenaan akan dapat menangani isu kesukaran operasi bomba di kawasan penempatan atas air di daerah ini.

"Ada lebih 10 perkampungan atas air di sini yang berdepan risiko sekiranya berlaku kebakaran yang boleh membawa kemusnahan harta benda.

"Justeru, bagi pihak warga daerah Semporna, diucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memberi peruntukan, sekali gus membolehkan Majlis Daerah Semporna (MDS) sebagai agensi pelaksana merealisasikan projek ini," katanya.